

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan aspek-aspek kajian seperti reka bentuk, lokasi kajian, responden kajian, persampelan, alat kajian, pengumpulan data serta kaedah penganalisaan data.

#### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan menggunakan kaedah tinjauan (survey research). Satu set soal selidik (self response questionnaire) digunakan untuk dijawab oleh responden. Ianya merupakan kajian perbandingan tahap kemerosotan akhlak dan disiplin pelajar.

Variabel bersandar (dependent variable) adalah masalah pelanggaran akhlak dan disiplin pelajar dan variabel bebas (independent variable) ialah faktor rakan sebaya, faktor persekitaran, sikap pelajar sendiri, keluarga, kegemaran dan pengaruh media massa.

Kajian ini bertujuan untuk melihat perhubungan antara variabel bersandar dan variabel tidak bersandar. Kemungkinan variabel-variabel ini saling mempengaruhi antara satu sama lain.

#### 3.3 Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di beberapa buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan. Kajian ini dilakukan dengan mendapat kebenaran bertulis daripada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan dan juga pengetua setiap sekolah yang terlibat dalam kajian ini. Antara sekolah-sekolah menengah yang dipilih ialah :

- i) Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Medan, Petaling Jaya;
- ii) Sekolah Menengah Teknik, Shah Alam;

- iii) Sekolah Menengah Kebangsaan Subang, Shah Alam;
- iv) Sekolah Menengah Kebangsaan La Salle, Petaling Jaya;
- v) Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 24, Shah Alam;
- vi) Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 18, Shah Alam;
- vii) Sekolah Menengah Kebangsaan Subang Utama, Subang Jaya;
- viii) Sekolah Menengah Kebangsaan Kelana Jaya, Petaling Jaya;
- ix) Sekolah Menengah Kebangsaan (Perempuan) Sri Aman Petaling Jaya;
- x) Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam; dan
- xi) Sekolah Menengah Kebangsaan Seafield, Subang Jaya.

Semua sekolah ini terletak dalam Daerah Petaling, Negeri Selangor Darul Ehsan yang meliputi kawasan Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Majlis Perbandaran Shah Alam.

Sekolah-sekolah ini terletak di persekitaran bandar utama seperti bandar Petaling Jaya, Shah Alam, Subang Jaya, Kelana Jaya, Sunway dan Subang. Ianya dikelilingi kawasan perumahan mewah, perumahan kos sederhana, kawasan setinggan dan kilang-kilang perusahaan. Responden di kalangan pelajar terdiri daripada komposisi lelaki dan perempuan kecuali di Sekolah Menengah Kebangsaan (Perempuan) Sri Aman yang hanya melibatkan pelajar perempuan sahaja, pemilihan guru-guru juga mengandungi komposisi lelaki dan perempuan melibatkan guru yang mengajar matapelajaran Pendidikan Islam atau tidak mengajar matapelajaran Pendidikan Islam.

### **3.4 Responden Kajian**

Keseluruhan pelajar yang dipilih adalah pelajar tingkatan empat dalam pelbagai aliran seperti aliran sains, sastera, agama, teknik dan vokasional. Pelajar-pelajar yang dipilih telah menjawab soal selidik kajian di dalam kelas pembelajaran masing-masing dengan pengawasan dan penyeliaan guru-guru

Pendidikan Islam setelah diberikan penerangan dan taklimat oleh guru-guru tersebut.

Pemilihan responden hanya tertumpu kepada pelajar tingkatan empat disebabkan mereka telah mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang cukup lama dalam memahami sukanan pelajaran Pendidikan Islam serta telah mempelajari sebahagian besar sukanan kurikulum Pendidikan Islam KBSM dari permulaan tingkatan 1 hingga tingkatan 4.

Responden dari kalangan pelajar tingkatan lima tidak dilibatkan kerana tidak mendapat kebenaran Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini bertujuan untuk tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran pelajar tingkatan lima yang akan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ini juga sebagai memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu tidak melibatkan kelas peperiksaan.

Sebanyak 120 borang soal selidik kajian telah diedarkan kepada guru-guru sebagai responden di sekolah menengah yang dipilih dan 320 borang soal selidik kajian juga telah diedarkan kepada pelajar sebagai responden di sekolah-sekolah yang dipilih.

Setiap kategori aliran pengajian mewakili pelajar lelaki dan perempuan. Semua pemilihan responden ini dilakukan secara rawak mudah. Faktor agama tidak di ambil kira kerana kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar Islam yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam, tidak termasuk mata pelajaran moral.

Guru yang dipilih sebagai responden juga' dipilih secara rawak. Mereka diminta menjawab empat kategori soalan yang berkaitan dengan kefahaman mereka tentang kurikulum Pendidikan Islam, persoalan tentang akhlak, persoalan tentang disiplin dan persoalan tentang perkara berkaitan akhlak dan disiplin semasa.

Selain daripada itu, guru-guru yang dipilih adalah terdiri daripada guru-guru beragama Islam yang mengajar Pendidikan Islam atau yang mengajar dalam pelbagai matapelajaran lain. Penulis berpandangan bahawa semua guru terutama guru beragama Islam memainkan peranan penting dalam pembentukan akhlak dan disiplin. Persoalan akhlak dan disiplin adalah berkait rapat dengan nilai-nilai agama Islam itu sendiri.

Guru-guru akan menjawab soal selidik kajian mengikut pengalaman dan pemahaman masing-masing berdasarkan pelbagai soalan yang disediakan. Guru-guru sentiasa berhadapan dengan pelbagai kerendah dan tingkah laku akhlak dan disiplin pelajar setiap hari di sekolah terutama dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pembentukan nilai-nilai akhlak dan disiplin yang baik. Pemilihan guru dibuat berdasarkan pelbagai latar belakang dan pengalaman dari komposisi jantina lelaki dan perempuan.

**Jadual 3.1: Bilangan Responden (Pelajar) Mengikut Sekolah**

<b>Nama Sekolah</b>	<b>Bilangan Responden (Pelajar)</b>
SMK. Subang Utama	48
SMK. Seksyen 18	51
SMK. Sul. Salahuddin Abd. Aziz Shah	64
SMK. (P) Sri Aman	34
SM. Teknik Shah Alam	40
SMK. Seafield	23
SMK. Taman Medan	50
<b>Jumlah</b>	<b>310</b>

Sumber: Kajian Sampel

**Jadual 3.2: Bilangan Responden (Guru) Mengikut Sekolah**

Nama Sekolah	Bilangan Responden (Guru)
SMK. Subang Utama	10
SMK. Seksyen 18	10
SMK. Sul. Salahuddin Abd. Aziz Shah	9
SMK. La Salle	10
SM. Teknik	8
SMK. Seksyen 24	10
SMK. Seafield	8
SMK. Taman Medan	10
SMK. Kelana Jaya	9
SMK. Subang	10
SMK. (P) Sri Aman	8
<b>Jumlah</b>	<b>102</b>

Sumber: Kajian Sampel

**Jadual 3.3: Taburan Responden Kajian**

GURU / PELAJAR JANTINA	GURU	%	PELAJAR	%	JUMLAH	%
LELAKI	19	18.6	125	40.3	144	35.0
PEREMPUAN	83	81.4	185	59.7	288	65.0
<b>JUMLAH</b>	<b>102</b>	<b>100</b>	<b>310</b>	<b>100</b>	<b>412</b>	<b>100</b>

Sumber : Kajian sampel

### **3.5 Persampelan**

Pemilihan sampel dibuat secara rawak berdasarkan kaedah berstratifikasi iaitu sampel-sampel yang dipilih berdasarkan kriteria jantina, latar belakang dan aliran pengajian tertentu.

Pelajar lelaki dan perempuan dari tingkatan empat dipilih secara rawak mudah oleh guru Pendidikan Islam sekolah mereka. Pemilihan secara rawak ini digunakan supaya setiap pelajar dari tingkatan berkenaan mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel kajian.

### **3.6 Alat Kajian/Soal Selidik**

Pada peringkat awal, disediakan dua draf set borang soal selidik kajian yang mengandungi dua bahagian yang bersesuaian dengan objektif dan hipotesis yang telah ditetapkan . Satu borang soal selidik untuk pelajar dan satu lagi untuk guru. Penyediaan soalan ini diambil dan diubahsuai berdasarkan kajian ilmiah yang telah lalu dan juga ditokok tambah oleh pengkaji supaya bersesuaian dengan tajuk kajian ini. Setelah disemak barulah soal selidik kajian dibuat salinan dan diedarkan kepada 320 pelajar dan 120 orang guru. Soal selidik kajian yang dapat dipungut semula untuk pelajar ialah 310 orang dan guru ialah 102 orang.

#### **3.6.1: Soal Selidik Kajian (Untuk Pelajar)**

##### **Bahagian A :**

Bahagian ini mengandungi 9 soalan tentang profil demografi responden, iaitu :

- i) Jantina;
- ii) Bilangan adik beradik;
- iii) Bilangan teman karib;
- iv) Pekerjaan ibu bapa;
- v) Jenis pekerjaan ibu bapa;
- vi) Kegemaran;
- vii) Datang ke sekolah;

- viii) Minat terhadap Pendidikan Islam; dan
- ix) Tahu menulis jawi.

Bahagian ini disoal untuk mengetahui kedudukan pelajar-pelajar di samping untuk melihat pengaruh faktor latar belakang ini dengan masalah pemahaman dan penghayatan akhlak dan disiplin pelajar.

**Bahagian B :**

Bahagian ini mengandungi empat persoalan utama yang berbentuk 'close-ended' tentang keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam dan penghayatan tentang masalah akhlak dan disiplin dari sudut pandangan pelajar itu sendiri.

Bahagian ini merangkumi soalan-soalan kefahaman tentang keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam, masalah tindakan tidak berakhlik yang dilakukan, pelanggaran disiplin, amalan ibadah yang dilakukan, tindak tanduk kesalahan disiplin dan peranan guru, media massa dan lain-lain yang mempengaruhi pelajar. Pecahan soalan untuk pelajar adalah seperti berikut :

- i) Soal selidik dibahagikan kepada 4 skop persoalan utama iaitu :
  - Kefahaman tentang keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam;
  - Kefahaman tentang aspek akhlak terpuji;
  - Kefahaman tentang aspek disiplin; dan
  - Faktor-faktor lain yang mempengaruhi pelajar menjadi berakhlik dan berdisiplin.
- ii) Soalan 01 – 07: Berkanaan dengan keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam.
- iv) Soalan 08 – 21: Berkanaan dengan pemahaman tentang akhlak yang terpuji (mahmudah).
- v) Soalan 22 – 35: Berkanaan dengan pemahaman tentang aspek disiplin.

- vi) Soalan 36 – 48: Berkenaan dengan faktor-faktor lain yang mempengaruhi dan mendorong pelajar menjadi lebih berakhlak dan berdisiplin.

Kesemua soal selidik kajian ini mengandungi 48 soalan. Responden diminta menjawab 9 soalan berkenaan demografi dengan menandakan bulat dan pada nombor soalan 01 hingga 07 dan nombor soalan 36 hingga 48 dengan menandakan (/) pada jawapan yang berbentuk skala Likert 4 peringkat iaitu :

- 4 = Sangat Setuju
- 3 = Setuju
- 2 = Sangat Tidak Setuju
- 1 = Tidak Setuju

Manakala pada nombor soalan 08 hingga 35 dengan menandakan (/) pada jawapan skala Likert 4 peringkat iaitu:

- 4 = Seringkali
- 3 = Pernah
- 2 = Kadang-Kadang
- 1 = Tidak Pernah

### **3.6.2: Soal Selidik Kajian ( Untuk Guru )**

#### **Bahagian A**

Bahagian ini mengandungi 8 soalan tentang latar belakang demografi responden, iaitu :

- i) Jantina;
- ii) Umur;
- iii) Bangsa;
- iv) Lulusan akademik tertinggi;

- v) Lama berkhidmat sebagai guru;
- vi) Lama berkhidmat di sekolah ini;
- vii) Jawatan yang dipegang sekarang; dan
- viii) Mengajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam atau bukan.

Soalan bahagian ini diselidik adalah untuk mengetahui kedudukan latar belakang demografi guru-guru di sekolah berkenaan dan juga untuk melihat sejauhmana pengalaman dan pandangan guru-guru tentang kedudukan akhlak dan disiplin pelajar di sekolah mereka.

Pandangan guru-guru adalah dilihat sama ada terlibat secara langsung dengan pengajaran Pendidikan Islam atau tidak langsung seperti berperanan sebagai guru unit bimbingan dan kaunseling, guru unit disiplin, warden asrama, guru ko-kurikulum, guru mengajar matapelajaran lain dan sebagainya.

### **Bahagian B**

Bahagian ini mengandungi 35 bentuk soalan. Dibahagikan 35 soalan ini kepada 4 bahagian utama yang berbentuk 'close-ended' tentang pandangan guru yang mengajar matapelajaran Pendidikan Islam atau guru yang tidak mengajar matapelajaran Pendidikan Islam mengenai keberkesanannya kurikulum Pendidikan Islam KBSM yang diajar kepada para pelajar.

Bahagian ini merangkumi soalan-soalan berkenaan dengan pandangan guru-guru Pendidikan Islam atau bukan Pendidikan Islam tentang aspek keberkesanannya kurikulum Pendidikan Islam di sekolah, persoalan tingkah laku pelajar sama ada berakhlaq atau berdisiplin, dan juga faktor semasa yang mendorong pelajar berakhlaq dan berdisiplin. Pecahan soal selidik ini dibahagikan seperti berikut :

- i) Dibahagikan kepada 4 bahagian utama iaitu :
  - Pandangan tentang aspek kurikulum Pendidikan Islam;
  - Pandangan tentang aspek persoalan akhlak;

- Pandangan tentang aspek persoalan disiplin; dan
  - Pandangan isu semasa berkaitan dengan akhlak dan disiplin.
- ii) Soalan 01 – 06: Berkenaan dengan pandangan tentang aspek kurikulum Pendidikan Islam.
- iii) Soalan 07 – 14: Berkenaan dengan pandangan tentang aspek persoalan akhlak.
- iv) Soalan 15 – 24: Berkenaan dengan pandangan tentang aspek persoalan disiplin.
- v) Soalan 25 – 35: Berkenaan dengan pandangan isu semasa berkaitan dengan akhlak dan disiplin.

Responden hanya diminta menanda (/) sahaja di dalam petak-petak bernombor yang disediakan yang berbentuk skala Likert 4 peringkat iaitu :

- 4 = Sangat Setuju  
3 = Setuju  
2 = Sangat Tidak Setuju  
1 = Tidak Setuju

Tujuan pengkaji menggunakan skala Likert 4 peringkat yang sama dalam semua soalan ialah untuk mengelakkan kekeliruan, salah faham dan memudahkan responden menjawabnya.

Tujuan kajian peringkat ini adalah untuk melihat dan mendapatkan pandangan guru-guru, tentang sejauhmana keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam yang diajar di sekolah berkenaan mampu membentuk pelajar berakh�ak dan berdisiplin.

### **3.7 Pengumpulan Data**

Peringkat permulaan dalam membuat pengumpulan data ialah dengan mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dari Kementerian Pendidikan

Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan dan juga pihak pengetua sekolah berkenaan untuk menjalankan kajian ini.

Pengkaji tidak menghadapi masalah dan mendapat kerjasama yang baik daripada guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam dan guru-guru yang tidak mengajar Pendidikan Islam. Pengkaji telah membuat penerangan dengan memberikan taklimat ringkas tentang tujuan serta objektif kajian ini kepada guru-guru berkenaan sebelum soalan-soalan dijawab. Borang soal selidik kajian ini dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu untuk pelajar dan untuk guru. Bagi mengelakkan kekeliruan, pengkaji menulis di bahagian penjuru atas kanan muka depan borang soal selidik dengan tanda 'Untuk Pelajar' dan 'Untuk Guru'.

Guru Pendidikan Islam yang berkenaan diminta mengedarkan borang soal selidik kajian 'Untuk Pelajar' kepada pelajar-pelajar tingkatan 4 sahaja yang dipilih secara rawak mudah, sama ada dari aliran sains, sastera, agama, teknik dan vokasional yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam.

Pelajar-pelajar yang menjawab set-set soal selidik tersebut dikawalselia oleh guru Pendidikan Islam berkenaan dan diberi masa 40 minit (iaitu satu masa jadual pengajaran di sekolah). Sekiranya terdapat pelajar yang kurang memahami tentang sesuatu soalan, guru berkenaan akan menerangkan dan mempermudahkan penerangan tentang kehendak soalan tersebut tetapi tidak memberitahu jawapannya.

Pelajar-pelajar menjawab dengan ikhlas, jujur dan juga tidak ada unsur-unsur paksaan atau tekanan serta tidak boleh berbincang sesama sendiri semasa menjawab soal selidik ini. Peraturan ini ialah untuk memastikan jawapan yang diberikan oleh pelajar adalah berdasarkan pandangannya sendiri dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana rakannya yang lain.

Selain daripada itu, melalui guru-guru Pendidikan Islam yang berkenaan juga pengkaji meminta untuk diedarkan borang soal selidik kajian 'Untuk Guru'

kepada guru-guru di sekolah tersebut sama ada mereka mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam ataupun tidak.

Guru-guru yang dipilih sebagai responden diberikan masa 2 minggu untuk menjawab soal selidik ini, bagi memastikan responden mempunyai ruang masa yang secukupnya memandangkan tugas dan bebanan guru terlalu banyak. Ini kerana, semasa borang kajian ini diedarkan, hampir kesemua sekolah akan menghadapi peperiksaan akhir tahun. Guru-guru pada masa itu sedang sibuk untuk menyediakan soalan peperiksaan dan selepas dari itu pula sibuk untuk memeriksa kertas jawapan para pelajar mereka.

Semua jawapan soal selidik kajian dikumpulkan apabila tamat tempoh masa yang diberikan . Pada soal selidik yang telah dikumpul, ditandakan nama sekolah, bilangan pelajar dan bilangan guru yang diambil sebagai responden supaya tidak ada yang tercicir semasa dikodkan. Semua soal selidik dikira semula dan dibuat semakan balas. Apabila telah selesai, proses mengkodkan (coding) data dilakukan dengan menggunakan program komputer SPSS (Statistical Package for Social Science) versi 7.5.

**Jadual 3.4: Model Konsep Kajian Untuk Pelajar**

<b>ANGKUBAH BERSANDAR (DEPENDENT VARIABLE)</b>	<b>ANGKUBAH BEBAS (INDEPENDENT VARIABLE)</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>- Tahap pemahaman tentang Kurikulum Pendidikan Islam.</li><li>- Penghayatan tentang akhlak Dan disiplin.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>- Jantina</li><li>- Bilangan adik beradik</li><li>- Rakan sebaya</li><li>- Pekerjaan ibu bapa</li><li>- Jenis pekerjaan ibu bapa</li><li>- Kegemaran</li><li>- Datang ke sekolah</li><li>- Minat Pendidikan Islam</li><li>- Tahu menulis jawi</li></ul>

Sumber: Kajian Sampel

**Jadual 3.5: Model Konsep Kajian Untuk Guru**

<b>ANGKUBAH BERSANDAR ( DEPENDENT VARIABLE )</b>	<b>ANGKUBAH BEBAS ( INDEPENDENT VARIABLE )</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Persoalan tentang keberkesanannya kurikulum Pendidikan Islam</li> <li>- Persoalan tentang akhlak</li> <li>- Persoalan tentang aspek disiplin</li> <li>- Persoalan semasa tentang akhlak dan disiplin.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Jantina</li> <li>- Umur</li> <li>- Bangsa</li> <li>- Lulusan akademik tertinggi</li> <li>- Lama berkhidmat sebagai guru</li> <li>- Lama berkhidmat di sekolah ini</li> <li>- Jawatan dipegang sekarang</li> <li>- Mengajar dalam mata pelajaran</li> </ul>

Sumber: Kajian Sampel

Model ini mengukur sejauh mana wujudnya hubungan di antara angkubah bebas dalam mempengaruhi angkubah bersandar. Adakah terdapatnya hubungan yang signifikan di antara faktor jantina, rakan sebaya, kegemaran, minat terhadap matapelajaran Pendidikan Islam, keluarga, pekerjaan ibu bapa dan tahu menulis jawi dengan kefahaman tentang kurikulum Pendidikan Islam, penghayatan aspek akhlak dan disiplin?.

### 3.8 Kaedah Analisis Data

Dalam kaedah pemprosesan analisis data, pengkaji menggunakan Paket Statistik Untuk Sains Sosial (Statistical Package for Social Science - SPSS) Versi 7.5 untuk menganalisa statistik dan sistem pengurusan data yang komprehensif dan fleksibel. Kekerapan atau frekuensi dan peratus 'valid' digunakan untuk menganalisis profil demografi dan jenis-jenis permasalahan akhlak dan disiplin dilakukan. Tumpuan utama kajian ini ialah untuk melihat perkaitan antara perlaksanaan dan keberkesanannya kurikulum Pendidikan Islam KBSM sekarang dengan masalah akhlak dan disiplin pelajar.

**Ujian Reabiliti** digunakan bagi skala Likert dilakukan untuk melihat sama ada setiap item dan faktor yang dikaji mempunyai reliabiliti yang tinggi dan sebaliknya.

**ANOVA** digunakan untuk melihat korelasi pandangan sebab-sebab pelanggaran akhlak dan disiplin.

**Ujian T (T-test)** digunakan untuk melihat hubungan sama ada signifikan atau tidak variabel kumpulan jantina merujuk kepada skala pelanggaran akhlak dan disiplin. Dari keputusan yang diperolehi dapat dibuktikan hipotesis I, sama ada diterima atau tidak. Aras signifikan ujian yang ditetapkan pada tahap 0.10.

**Kaedah Regresi Berganda (Multiple Regression)** digunakan untuk melihat sama ada terdapatnya perhubungan antara pelanggaran akhlak dan disiplin dengan sebab keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam yang diajar, dan juga faktor kegemaran, minat Pendidikan Islam, tahu menulis jawi dan faktor-faktor lain yang mempengaruhinya. Tujuannya untuk mematuhi kesan beberapa variabel bebas terhadap variabel bersandar dan pembuktian ke atas hipotesis II, III, IV dan V.

**Analisis Regresi (Regression Analysis)** untuk melihat hubungan variabel bersandar dengan variabel bebas. Variabel bersandar (Dependent Variable) yang dicadangkan ialah jumlah kefahaman kurikulum, akhlak dan disiplin dengan variabel bebas (Independent Variable) iaitu jantina, pendapatan keluarga, jumlah rakan sebaya, kegemaran dan minat Pendidikan Islam atau tidak, tahu menulis jawi. Tujuannya untuk melihat variabel bebas manakah yang mempunyai hubungan paling tinggi dengan jumlah kefahaman kurikulum Pendidikan Islam, akhlak dan disiplin.

Oleh kerana kajian ini menumpukan hubungan keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam, pemahaman dan penghayatan terhadap akhlak dan disiplin, maka kekerapan tidak mengamalkan akhlak terpuji dan pelanggaran

disiplin bagi setiap isu akhlak dan disiplin yang disoal akan dianalisis dengan kaedah peratusan sahaja, iaitu dengan melihat frekuensi (kekerapan) menerusi program SPSS Version 7.5.